



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN
AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 252/2006

**PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PREMIS YANG DITETAPKAN) (KEMUDAHAN
PENGOLAHAN DAN PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL) (PINDAAN) 2006**

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

1 Julai 2006

Tarikh mula berkuatkuasa :

1 Julai 2006

SUSUNAN PERINTAH

[Mukadimah.](#)

Perintah 1. [Nama dan permulaan kuat kuasa.](#)

Perintah 2. [Pindaan perenggan 2.](#)

Mukadimah.

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 18 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat perintah yang berikut:

Perintah 1. Nama dan permulaan kuat kuasa.

(1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) (Pindaan) 2006.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2006.

Perintah 2. Pindaan perenggan 2.

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989 [*P.U. (A) 140/1989*] dipinda dalam perenggan 2, dalam tafsiran "buangan terjadual", dengan menggantikan perkataan "Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989" dengan perkataan "Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 [*P.U. (A) 294/2005*]".

Dibuat 17 Januari 2006

[AS(S)91/110/919/014; PN(PU²)280/X]

DATO' SRI HJ. ADENAN BIN HJ. SATEM
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

Copyrights Reserved

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY
LAWNET
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD